

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan bahasa yang cukup unik dan mempunyai banyak keistimewaan berbanding dengan bahasa-bahasa yang lain. Turunnya al-Quran al-Karim dalam bahasa Arab membuktikan betapa agungnya bahasa ini. Bahasa Arab juga merupakan bahasa antarabangsa dunia hari ini dan diiktiraf sebagai salah satu bahasa rasmi di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Bahasa Arab adalah menjadi bahasa perantaraan di kalangan negara Arab yang berjumlah 22 buah dengan bilangan penduduknya seramai lebih daripada 276 juta orang berdasarkan perangkaan bagi tahun 1999 (<http://www.arabdatanet.com/country/>).

1.1 Pernyataan Masalah

Banyak bidang yang boleh dibuat kajian berkenaan dengan bahasa Arab yang masih belum diteroka oleh pengkaji-pengkaji dewasa ini. Antara bidang tersebut termasuklah bidang sintaksis, morfologi, retorik, fonologi dan sebagainya. Penulis akan menjurus kepada pengkajian bidang ilmu morfologi yang juga dikenali sebagai ilmu Saraf dengan membuat pengkhususan dalam bab derivasi atau dikenali sebagai **الإشتقاق** yang berlaku kepada kata kerja mu'tal.

Walaupun sebelum ini telah terdapat pengkaji yang telah membuat kajian tentang

الاشتقاق dalam bahasa Arab, tetapi penulis mendapati bahawa kajian tersebut berbentuk umum dan kurang pendetilan tentang derivasi yang berlaku pada kata kerja mu'tal ini.

Bertitik tolak dari itu, penulis merasa terpenggil untuk membuat kajian yang lebih mendalam tentang tajuk ini sebagai satu hasil kajian yang boleh dimanfaatkan bersama oleh pencinta-pencinta bahasa yang agung ini.

1.2 Kepentingan Kajian

Dalam bahasa Arab, kata kerja atau disebut **الفعل** dari segi strukturnya bolehlah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kata kerja ṣāhiih dan kata kerja mu'tal. Kata kerja ṣāhiih ialah kata kerja yang pada asalnya tidak terdapat huruf 'illah, manakala kata kerja mu'tal pula ialah kata kerja yang huruf-huruf asalnya terdiri daripada satu atau dua huruf 'illah.

Sepanjang pengamatan penulis, kata kerja ṣāhiih tidaklah memberikan banyak masalah kepada penuturnya dalam hal derivasi ini berbanding dengan kata kerja mu'tal. Ini adalah kerana huruf-huruf 'illah itu akan bertukar dari satu huruf ke huruf yang lain apabila diubah keadaannya. Sebagai contoh kata kerja **قَالَ** (*berkata*) adalah kata kerja kala lampau akan bertukar kepada **يَقُولُ** dalam kata kerja kala kini. Di sini berlaku perubahan huruf-huruf 'illah, iaitu alif kepada waaw. Contoh lain pula ialah

نال (*mendapat*) bertukar kepada يَنَالُ . Ia tidak mengalami apa-apa perubahan pada huruf ‘illah. Tapi, bagaimana pula akan halnya pada contoh بَاعَ (*menjual*) bertukar kepada يَبِيعُ yang berlaku padanya perubahan huruf ‘illah alif ketika kala lampau kepada yaa’ ketika kala kini/depan. Inilah yang menarik untuk dibahas secara panjang lebar dan mendalam. Perbahasan ini akan menjadi lebih menarik lagi jika dibawakan contoh-contoh lain yang terdapat dalam kosa kata bahasa Arab dengan menderivasikannya kepada kata-kata nama.

1.3 Objektif Kajian

Penulis merasakan kajian terhadap tajuk yang dipilih ini dapat menyempurnakan beberapa mesej penting antaranya:

- a. memberikan gambaran yang mendalam tentang keunikan aspek morfologi bahasa al-Quran al-Karim khususnya yang berkaitan dengan kata kerja mu’tal.
- b. Meningkatkan penguasaan bahasa Arab kepada pencinta-pencinta bahasa ini.
- c. Menghilangkan kekeliruan yang selama ini berlaku di kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab berhubung dengan penggunaan kata kerja mu’tal.

1.4 Metodologi Kajian

Dalam usaha mengkaji, menyusun dan merumus masalah, penulis akan menggunakan dua metod iaitu Metod Pengumpulan Data dan Metod Analisis atau Pengolahan Data.

1.4.1 Metod Pengumpulan Data

Metod ini digunakan untuk memperolehi dan mengumpul maklumat serta fakta bagi tujuan penyelidikan. Untuk tujuan ini, penulis akan menggunakan Metod Dokumentasi. Metod ini adalah satu cara pengumpulan data dilakukan terhadap dokumen-dokumen berkaitan dengan masalah pengkajian. Dokumen bererti bahan-bahan bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan.

1.4.2 Metod Analisis atau Pengolahan Data

Dalam melakukan analisis, pemprosesan ke atas maklumat yang dikumpulkan akan diterjemahkan dalam bentuk yang mudah difahami dengan mengambil kira sudut kepentingan tertentu. Penulis menggunakan metod ini bagi memenuhi objektif dan arah kajian ini. Dalam menganalisis data yang diperolehi, penulis menggunakan beberapa kaedah iaitu Metod Induktif dan Metod Komperatif atau Perbandingan.

1.4.2.1 Metod Induktif

Metod ini merupakan satu cara penganalisan data dengan membuat kesimpulan atau pembuktian dari perkara-perkara yang bersifat khusus yang merumuskan satu kesimpulan yang berbentuk umum.

1.4.2.2 Metod Komperatif atau Perbandingan

Metod ini merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan

terhadap segala data dan fakta yang diperolehi semasa penelitian dibuat dengan data-data lain yang diperolehi.

1.5 Kajian Terdahulu

Penulis telah membuat kajian tentang tajuk-tajuk yang telah dibuat oleh pengkaji sebelum ini khususnya oleh penuntut Sarjana Pengajian Bahasa Moden di Universiti Malaya, di mana terdapat satu ruang kosong yang telah ditinggalkan oleh pengkaji sebelum ini tentang morfologi bahasa Arab. Kajian yang telah dibuat hanyalah menyentuh tentang derivasi dalam bahasa Arab secara umum sahaja tanpa memberikan penekanan terhadap aspek derivasi yang berlaku pada kata kerja mu'tal ini. Justeru, adalah amat perlu dirasakan untuk melengkapkan apa yang terkurang agar bahasa ini dapat dihayati dengan lebih mendalam.

Antara tajuk-tajuk kajian yang telah dilakukan oleh penuntut Sarjana Pengajian Bahasa Moden di Universiti Malaya dalam bidang Morfologi ini yang menyentuh sedikit sebanyak tentang derivasi adalah seperti berikut:

- a) Ishtiqaq Dalam Bahasa Arab oleh Haji Hussin Haji Noor.
- b) Akronim Dan Proses Pembentukan Dalam Bahasa Arab oleh Muhammad bin Seman.
- c) Morfem-morfem Dalam Kata Kerja Bahasa Arab: Ciri-ciri Dan Makna Leksikalnya oleh Azhari bin Muhammad Ali.
- d) Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai dan Kegunaannya oleh Mohd Zaki bin Abd. Rahman.

1.6 Batasan Kajian

Bidang kajian ini hanya memfokuskan terhadap penyelidikan dan analisis tentang derivasi yang berlaku pada kata kerja dalam bahasa Arab. Ia terbatas kepada kata kerja mu'tal di mana penekanan diberikan kepada perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah apabila kata kerja tersebut diderivasikan. Yang dimaksudkan dengan kata kerja mu'tal itu ialah kata kerja yang mengandungi huruf 'illah, iaitu huruf-huruf alif, waaw dan yaa'.

1.6.3 Sumber Data

Pengkajian ini dilakukan melalui dua cara, iaitu dengan berasaskan kepada Penyelidikan Perpustakaan (library research) dan Kajian Lapangan. Dalam kaedah yang pertama, penulis mendapatkan maklumat dan data dalam bentuk dokumentasi. Dalam hal ini penulis membuat kajian di perpustakaan-perpustakaan utama seperti Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan koleksi buku-buku yang dimiliki oleh penulis sendiri. Sementara kaedah kedua pula, penulis mengkaji penguasaan dan masalah dalam menggunakan derivasi yang betul dalam kata kerja mu'tal di kalangan pelajar tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bentong, Karak, Pahang, iaitu sekolah di mana penulis bertugas.

1.7 Rangka Kajian

Disertasi ini dibahagikan kepada lima bab dengan setiap bab mengandungi pecahan-pecahannya yang tertentu.

Penulis memulakan perbincangan pada Bab Satu dengan pendahuluan yang mengandungi pernyataan masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, metodologi kajian, kajian terdahulu, batas kajian dan rangka kajian.

Dalam Bab Dua, penulis akan membahaskan tentang pembahagian jenis-jenis kata kerja dalam bahasa Arab yang merangkumi aspek-aspek berikut:

- i. Dari aspek masa: kata kerja kala lampau, kata kerja kala kini dan kata kerja kala depan serta kata kerja imperatif.
- ii. Dari aspek keperluannya kepada objek: kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif.
- iii. Dari aspek wujud atau tidak wujudnya pelaku: kata kerja pasif dan kata kerja aktif.
- iv. Dari aspek imbuhan: kata kerja dasar dan kata kerja imbuhan.
- v. Dari aspek keadaan huruf-hurufnya yang asal: kata kerja *ṣāḥiḥ* dan kata kerja *mu'tal*.
- vi. Dari aspek derivasi: kata kerja cangga dan kata kerja *mutaṣarrif*.
- vii. Dari aspek kesempurnaan dan kekurangan: kata kerja *taamm* dan kata kerja *naaqiṣ*.

Manakala dalam Bab Tiga pula, penulis menumpukan kepada derivasi kata kerja *mu'tal* yang menjadi pokok perbincangan disertasi ini. Penulis memberikan perhatian pada setiap masalah yang timbul dalam topik ini agar segala keaburan dapat diperjelaskan dengan sempurna.

Selanjutnya dalam Bab Empat, penulis membuat kajian tentang penguasaan pelajar dalam penggunaan derivasi kata kerja *mu'tal* di kalangan pelajar tingkatan lima yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bentong, Karak. Ia akan dibuat melalui kaji selidik dengan menggunakan sampel ujian

kemahiran. Hasil kajian ini akan dianalisis secara mendalam.

Dalam Bab Lima, penulis menyimpulkan dapatan-dapatan yang diperolehi daripada kajian dan penyelidikan tersebut.

1.8 Kesimpulan

Secara ringkasnya dapatlah disimpulkan di sini bahawa penggunaan kata kerja mu'tal lebih banyak mendatangkan masalah kepada penggunaanya berbanding dengan kata kerja ṣaḥiḥ. Ini adalah disebabkan oleh perubahan-perubahan yang berlaku kepada huruf 'illah apabila kata kerja tersebut diderivasikan. Oleh itu, satu kajian yang mendalam perlu dilakukan untuk menghuraikan segala permasalahan yang timbul.

Bab seterusnya akan membincangkan tentang penggolongan kata kerja yang terdapat dalam bahasa Arab.